

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN TAMBAH CAWANGAN INSTITUT LATIHAN PELANCONGAN (ILP)

1. Syarat-syarat Permohonan Lesen Tambah Cawangan bagi Institut Latihan Pelancongan (ILP)

Permohonan lesen tambah cawangan hendaklah dari Institut Latihan Pelancongan yang **berlesen** dengan MOTAC. Permohonan hendaklah dibuat secara **atas talian** (*online*) melalui www.spip.gov.my.

2. Fi Proses

Fi proses adalah sebanyak **RM50.00** dalam bentuk Draf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara **atas talian** (*online*) melalui www.spip.gov.my.

3. Fi lesen Cawangan ILP seperti di jadual:

| CAWANGAN | | |
|-----------|---------|----------|
| FI PROSES | TAHUN | FI LESEN |
| RM50.00 | 1 Tahun | RM300.00 |
| RM50.00 | 2 Tahun | RM600.00 |
| RM50.00 | 3 Tahun | RM900.00 |

4. Borang permohonan yang telah lengkap pembayaran hendaklah dikemukakan secara atas talian (*online*) melalui www.spip.gov.my bersama-sama dokumen-dokumen berikut:

a. Kertas kerja yang lengkap mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- i) Objektif penubuhan Pejabat Cawangan
- ii) Perancangan dan strategi pemasaran bagi Pejabat Cawangan
- iii) Contoh-contoh kursus dan silibus kursus yang bakal ditawarkan oleh Pejabat Cawangan kepada pelanggan syarikat

b. Penyata bank untuk enam (6) bulan terakhir dan e-info terkini.

5. Sebarang kompaun mestilah dijelaskan sebelum permohonan diproses (jika ada).
6. **Syarat-syarat penyediaan ruang premis (tambah cawangan) adalah sekurang-kurangnya 1000 kaki persegi** dengan syarat tidak menjejaskan keluasan semua kemudahan asas pembelajaran yang sesuai untuk penyelesaian bilangan pelajar. Premis hendaklah mempunyai sekurang- kurangnya:
 - Ruang pejabat
 - Bilik Kuliah boleh menempatkan sekurang-kurangnya 20 orang pelajar
 - **Perpustakaan / Sudut Bacaan / Kemudahan Asas yang bersesuaian sebagai Institusi Latihan**
 - **Pemilikan lot premis tidak berkongsi dengan perniagaan-perniagaan lain**

Nota: Hanya cawangan ILP yang mempunyai keluasan premis sekurang-kurangnya 3,000 kaki persegi dibenarkan untuk menganjurkan kursus-kursus yang mempunyai pertauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) seperti Kursus Asas Pemandu Pelancong Tahap 3 dan Kursus Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat Tahap 2.

Manakala bagi cawangan ILP yang berkeluasan kurang daripada 3,000 kaki persegi hanya boleh menganjurkan kursus-kursus pendek yang berkaitan dengan Industri Pelancongan (Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong dan Kursus Mesra Malaysia, TTEC dan TTMC) yang tiada pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)